

Headline	FRIM tekad lakukan pembaharuan - Abdul Latif		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	29	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	286 cm <sup>2</sup>
Journalist	SITIROHAIZAH ZAINAL	AdValue	RM 5,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,112



Terus jana pendapatan melalui penghasilan produk

# FRIM tekad lakukan pembaharuan - Abdul Latif

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 SEPT.

SEMPENA ulang tahun ke-31, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bertekad mahu melakukan pembaharuan dalam mengkomersialkan produk hasil penyelidikan dan pembangunannya (R&D).

Tekad itu disuarakan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod apabila beliau mahu fungsi dan peranan FRIM terus diiktiraf supaya dapat menjana pendapatan.

Menurutnya, dalam menuju ke arah negara maju, pihaknya perlu melakukan pembaharuan dan terus membantu kerajaan dengan menjana pendapatan sendiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

"Kita tidak mahu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan kerana FRIM sendiri mempunyai lebih 100 saintis berkelulusan doktor falsafah (PhD) yang mam-

pu menjana pendapatan sendiri dan mengharumkan nama negara.

"Telah tiba masanya FRIM mengorak langkah dengan menge luarkan produk dan melindunginya dengan paten kita sendiri dan dibenarkan mempunyai anak syarikat supaya terus meningkatkan ekuiti syarikat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

FRIM yang ditubuhkan pada Oktober 1985 sebelum ini pernah dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) dan menjadi badan berkanun di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) bakal menyambut

ulang tahun ke-31 esok.

Mengulas mengenai sambutan ulang tahun ke-31, Abdul Latif berkata, pelbagai aktiviti disedia-

kan kepada kakitangan dan pengunjung FRIM sepanjang Oktober nanti.

"Esok kita akan mengadakan Hari Arboretum yang bertemakan Warisan Hidup Sepanjang Zaman, iaitu kakitangan FRIM dan sukarelawan akan melakukan pembersihan di kawasan sekitar tanaman supaya kita dapat terus mengekalkan flora dan fauna di sini."

"Selain itu, kita juga akan mengadakan pertandingan fotografi bertemakan Warisan Dunia, Rimbathon dan Roverwalk. Semua program ini diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga dan memulihara hutan," katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi FRIM di talian 03-62797000 atau laman web [frim\\_ccu@frim.gov.my](mailto:frim_ccu@frim.gov.my) atau laman sosial Facebook, FRIM.

**Kita tidak mahu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan kerana FRIM sendiri mempunyai lebih 100 saintis berkelulusan doktor falsafah (PhD) yang mampu menjana pendapatan sendiri dan mengharumkan nama negara.**

**ABDUL LATIF MOHMOD**  
Ketua Pengarah FRIM